

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 MAC 2016 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bomba Selangor terima tiga panggilan kecemasan kesan gegaran di Sumatera	BERNAMA
2.	Penduduk persisir Perlis, Kedah dan Pulau Pinang diminta jauhi kawasan pantai	BERNAMA
3.	Penduduk kondominium di Johor panik, rasai gegaran	BERNAMA
4.	Gempa bumi kuat di Sumatera, tiada ancaman Tsunami buat Malaysia	BERNAMA
5.	Tremors felt in several states	New Straits Times
6.	Tempias gegar	Harian Metro
7.	Gempa bumi kuat gegar Sumatera	Kosmo
8.	Pakar keselamatan siber tangani jenayah ICT	Berita Harian



Bomba Selangor Terima Tiga Panggilan Kecemasan Kesan Gegaran Di Sumatera

SHAH ALAM, 2 Mac (Bernama) -- Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Selangor menerima tiga panggilan kecemasan akibat merasai gegaran berikutan gempa bumi kuat yang melanda barat daya Sumatera Rabu malam.

Penolong Pengarah Operasi JBPM Selangor Mohd Sani Harul berkata pihaknya menerima panggilan gegaran pertama kira-kira 8.54 malam melibatkan Flat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Seksyen 7, Petaling Jaya.

Beliau berkata panggilan kedua diterima 15 minit kemudian daripada penduduk di Blok A, Seksyen 26/38, Kampung Baru Hicom, Shah Alam.

"Panggilan ketiga pula diterima satu minit selepas itu dari kawasan Tiara Park Home, Taman Bukit Ria, Kajang," katanya dalam kenyataan di sini.

Beliau, bagaimanapun berkata JBPM Selangor masih melakukan pemantauan terhadap kawasan terlibat bagi mengelak sebarang insiden yang tidak diingini.

Gempa bumi kuat berukuran 7.9 pada skala Richter berlaku di barat daya Sumatera pada 8.49 malam ini.

Bagaimanapun, tiada ancaman tsunami terhadap Malaysia setakat ini, menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Menurut jabatan itu, gempa bumi berkenaan berpusat kira-kira 649km Barat Daya dari Siberut, Indonesia, iaitu 1,163km Barat Daya dari Port Dickson, Negeri Sembilan.

Berikutan kejadian itu, gegaran dirasai di beberapa tempat di Selangor dan Johor, menurut jabatan meteorologi berkenaan.

Sementara itu di KOTA BAHARU, penduduk yang tinggal di apartment Pelangi Mall setinggi 23 tingkat di sini, panik apabila bangunan didiami mereka bergegar susulan gempa bumi tersebut.

Ketua Operasi Balai Bomba dan Penyelamat Kota Baharu, Pegawai Bomba Kanan II Ismail Mohd Taib berkata pihaknya menerima panggilan daripada penghuni apartment berkenaan pada 9.38 malam.

"Kita telah membuat tinjauan dan setelah dibuat pemeriksaan, didapati tiada melibatkan mangsa yang terperangkap," katanya ketika dihubungi di sini.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 03 Mac 2016 (Khamis)



Penduduk Pesisir Perlis, Kedah Dan Pulau Pinang Diminta Jauhi Kawasan Pantai

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Penduduk di kawasan pesisir pantai Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dinasihati menjauhi kawasan pantai bermula pukul 12.45 malam ini berikutan kesan gempa kuat di barat daya Sumatera, Indonesia.

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau](#) berkata ini sebagai langkah berjaga-jaga.

Amaran ini dikuatkuasakan sehingga notis baharu dari kementerian itu disiarkan melalui media massa, laman web [Jabatan Meteorologi Malaysia \(Met Malaysia\)](#), Facebook atau hubungi Met Malaysia di talian 1-300-22-1638, katanya dalam kenyataan di sini Rabu.

Beliau juga berkata tiada laporan kerosakan harta benda di Selangor dan Johor dilaporkan setakat ini berikutan gegaran daripada gempa bumi berukuran 7.9 pada skala Richter pada pukul 8.49 malam ini.

Gempa bumi itu berpusat kira-kira 649km Barat Daya dari Siberut, Indonesia, iaitu 1,163km Barat Daya dari Port Dickson, Negeri Sembilan.

-- BERNAMA

